

# **Simpanan kerajaan cukup bayar hutang negara - PM**

**KUALA LUMPUR 24 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan lagi bahawa pendapatan dari simpanan kerajaan adalah lebih dari mencukupi bagi membayar balik hutang-hutang negara.**

Katanya, bagi Kerajaan Persekutuan, pembayaran balik pokok bagi hutang-hutang luarnya bagi tahun 1986 berjumlah \$863 juta sementara simpanan luar Bank Negara berjumlah \$13.7 ribu juta pada akhir Mac 1986.

"Pendapatan dari simpanan itu saja adalah lebih dari mencukupi dan ahli-ahli bank tidak sepatutnya ragu-ragu tentang keazaman kerajaan Malaysia untuk membayar balik hutang-hutangnya," ujar beliau ketika merasmikan Persidangan Bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA) yang ke 9 di Hotel Pan-Pacific di sini.

"Saya harus mengambil peluang ini, untuk menyatakan secara mutlak, sekiranya wujud ketidakpastian iaitu ragu-ragu tentang kemampuan kerajaan membayar balik hutang-hutang negara bahawa kita mahu membayar balik semua hutang kita tepat pada masanya.

"Kita akan bayar keduanya, hutang pokok dan faedah apabila tempohnya tamat dan kerajaan tidak ada rancangan untuk memohon penjadualan semula hutang-hutang itu," ujar beliau kepada lebih 200 orang ahli perniagaan Malaysia dan Jepun itu.